

08 JUL 1999

Mahathir-Cyberjaya

CYBERJAYA BANTU PEMULIHAN EKONOMI

CYBERJAYA, 8 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Cyberjaya yang siap kena pada masanya akan menyumbang secara besar ke arah pemulihan ekonomi Malaysia sekarang.

"Fasa pertama pembangunan Cyberjaya yang siap kena pada masanya walaupun kita berdepan dengan masalah ekonomi baru-baru ini, adalah bukti tentang komitmen kita kepada semua pelabur dalam MSC," katanya pada pelancaran Cyberjaya, satu daripada bandar raya pintar di dunia dan nadi MSC (Koridor Raya Multimedia).

Beliau berkata walaupun ketika ekonomi meleset, MSC telah diberi keutamaan daripada segi peruntukan kewangan dan sokongan dasar.

Perdana Menteri mengulangi komitmen kerajaan untuk menentukan kejayaan Cyberjaya menerusi pembangunan pantas.

"Malaysia perlu terus menjadi inovatif dan lebih responsif kepada pelabur untuk menarik ilmu dari serata dunia bagi membentuk satu masyarakat cergas, kreatif dan saling berhubungan di Cyberjaya," katanya.

Antara yang hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menteri-menteri kabinet dan anggota-anggota Panel Penasihat Antarabangsa MSC, yang mengadakan mesyuarat mereka sejurus selepas majlis pelancaran itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia menjadikan MSC sebagai pemacu terbaru pertumbuhannya setelah mengambil kira potensi dan nilainya.

"Rakyat Malaysia secara amnya tahu bahawa MSC mewakili masa depan mereka, maka sokongan dan penyertaan dalam usaha ini telah meresapi keseluruhan masyarakat," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak menganggap projek yang serupa dengan MSC di negara-negara lain sebagai pesaing tetapi lebih menyerupai peluang untuk menjalin rangkaian dan kerjasama.

Terletak ke selatan Kuala Lumpur, MSC ialah sebuah zon seluas 750 km persegi yang dibangunkan sebagai kawasan tumpuan bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan multimedia.

"Kita telah membina jambatan menerusi semua inisiatif ini dan sama-sama, berharap untuk mengatasi pelbagai isu sejagat yang timbul dalam era maklumat ini," katanya.

Dr Mahathir berkata kini sudahpun ada 32 pembentuk web bertaraf dunia yang telah memperolehi taraf MSC.

Daripada 285 syarikat yang memohon status itu, 225 telah mendapatkannya dan 21 termasuk lapan syarikat bertaraf MSC, telahpun berada di Cyberjaya.

Semua syarikat bertaraf MSC dijangka memasuki satu daripada empat bandar siber dalam masa setahun dari tempoh pelancaran Cyberjaya.

"Saya ingin menyeru syarikat lain yang mempunyai taraf MSC supaya pindah awal ke Cyberjaya untuk mendapatkan manfaat sepenuhnya," katanya.

Perdana Menteri berkata pelancaran rasmi Cyberjaya menandakan bahawa blok binaan utama yang terakhir telah tersedia dan beberapa infrastruktur sokongan penting seperti beberapa undang-undang siber telah berkuatkuasa.

"Kita juga telah menyediakan sokongan yang diperlukan dalam bentuk program latihan dan sumber manusia bagi menghasilkan usahawan teknologi dan pekerja berilmu," katanya.

Perdana Menteri berkata komitmen Malaysia untuk membangunkan MSC dan industri multimedia untuk jangka masa panjang terbukti wajar berdasarkan statistik terkini dari serata dunia.

Di Amerika Syarikat, walaupun sektor perkhidmatan teknologi hanya

meliputi 5.5 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar pada 1997, ia menghasilkan hampir 40 peratus daripada pertumbuhan KDNK berbanding dua tahun berturut-turut sebelum itu.

Cyberjaya merupakan satu daripada dua bandar raya pintar di MSC -- sebuah lagi ialah Putrajaya, yang merupakan pusat pentadbiran baru kerajaan persekutuan.

"Cyberjaya direka bentuk sebagai sebuah pusat ujian global. Kita tidak terikat dengan amalan dan dasar yang ketat dan lazim.

"Cyberjaya adalah adunan unik hasil terbaik dari timur dan barat yang dibentuk untuk menghasilkan budaya kreatifnya sendiri," katanya.

-- BERNAMA

TM MAI